

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI (BATU PAHAT)**

**TARIKH : 16 MEI 2016 (ISNIN)**

**SOALAN:**

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [ Batu Pahat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana kursus kahwin yang diadakan oleh Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam ( YaPEIM) di Paris, Prancis telah berjaya dalam memerangi gejala bersekedudukan, lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT).

**JAWAPAN :** (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B). MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kursus Perkahwinan adalah salah satu modul/kursus dalam program "Simposium Perdana: Isu Perkahwinan, Kekeluargaan, Keusahawanan dan Pengurusan" yang disertai oleh Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) di luar negara. Program tersebut dianjurkan bersama oleh agensi-agensi di bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM),

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan YaPEIM. Program ini dilaksanakan berasaskan pendekatan Nasional Blue Ocean Strategy (NBOS), dimana Kursus Perkahwinan dikendalikan oleh JAKIM, dan aspek Keusahawanan dan Pengurusan oleh YaPEIM.

Suka dimaklumkan bahawa YaPEIM melibatkan diri dengan program di luar negara kerana terdapat penerima Skim Anugerah Kecemerlangan Pelajar Nasional (SANTUN) yang belajar di luar Negara. SANTUN merupakan skim yang diperkenalkan melalui Bajet 2006 bertujuan untuk memberi apresiasi kepada anak-anak dalam kelompok Miskin dan Yatim yang telah menunjukkan prestasi tersendiri dalam bidang pelajaran. Skim ini meliputi manfaat dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan kepada peserta SANTUN dalam tempoh minimum enam tahun. Manfaat bukan kewangan adalah seperti memberi peluang kepada warga SANTUN untuk membina keupayaan kepimpinan melalui pelbagai medium dan aktiviti menjalani kursus, sesi motivasi serta program-program lain yang dianjurkan oleh Kelab SANTUN. Selain itu, Kelab SANTUN turut memberi peluang untuk warga SANTUN, membina minat dan menjayakan program pembangunna keusahawanan khussunya mellalui program dan skim yang diperkenalkan melalui institusi khas yang diwujudkan bagi tujuan berkenaan iaitu Koperasi SANTUN Berhad.

Justeru penyertaan YaPEIM adalah sebagai memenuhi matlamat untuk menyediakan ruang kea rah pemantapan aspek keusahawanan khususnya kepada pelajar-pelajar SANTUN. Penekanan dalam aspek keusahawanan ini di dalam program tersebut adalah selaras dengan objektif dan falsafah penubuhan YaPEIM.

Mengenai kursus Perkahwinan, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, ia di anjurkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) seperti Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) sebagai agensi yang berperanan dalam menganjurkan kursus tersebut.

Didalam program symposium tersebut, juga terdapat penjelasan berkaitan isu lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) yang amat bertentangan dengan agama Islam. Program sedemikian memberi faedah kepada peserta, antaranya:

- i. program seperti ini dapat mengisi masa lapang peserta dengan perkara-perkara yang berfaedah dan ilmu yang bermanfaat dan kesibukan peserta ketika menghadiri program boleh mengelakkan mereka daripada terlibat dengan budaya LGBT;
- ii. peserta-peserta program boleh menjadi penghubung dalam menyampaikan ilmu yang diperolehi ketika program kepada rakan-rakan pelajar lain yang tidak terlibat dengan program yang dianjurkan.

Sekian, terima kasih.